

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAHFUZ BIN
OMAR [POKOK SENNA]**

TARIKH : 19 MEI 2016

SOALAN :

YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Laporan Ketua Audit Negara berkaitan 1MDB diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) sedangkan laporan tersebut tiada kena mengena dengan Isu Keselamatan Negara dan adakah Perdana Menteri bersedia menarik balik klasifikasi Akta Rahsia Rasmi (OSA) Kuala Lumpur Laporan Ketua Audit Negara berkaitan 1MDB.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi bagi memastikan tidak ada kebocoran maklumat semasa PAC menjalankan *proceeding* terhadap isu ini. Laporan Ketua Audit Negara adalah khusus untuk PAC dan PAC telah membincangkan laporan Ketua Audit Negara ini sebelum memuktamadkan laporannya kepada Parlimen.

Sekian, terima kasih.